

# Mahkamah Tinggi tolak rayuan pempengaruh terhadap sabitan kesalahan mencuri

KUCHING: Mahkamah Tinggi di sini semalam menolak rayuan yang difaillkan seorang pempengaruh terhadap sabitan kesalahan mencuri RM668 daripada pusat kecantikan dan spa semasa dia bekerja di syarikat itu.

Hakim Leonard David Shim berkata beliau mendapat keputusan Mahkamah Majistret untuk mensabitkan Margaret Sherli Johari, 25, dengan hukuman penjara selama lima bulan bagi tiga pertuduhan mencuri adalah selamat dan hukuman itu tidak keterlaluan.

Semasa prosiding semalam, peguam Margaret iaitu Theresa Udam memohon penangguhan pelaksanaan hukuman untuk anak guamnya merayu di Mahkamah Rayuan kerana tempoh hukuman yang diperintahkan oleh Mahkamah Majistret agak singkat.

Timbalan Pendakwa Raya Ng Xiang Hua sebaliknya membantah penangguhan hukuman tersebut kerana tiada keadaan khas dan penangguhan pelaksanaan hukuman itu tidak

automatik.

"Anggapan tidak bersalah akan terhenti apabila dia pertama kali disabitkan di mahkamah rendah dan apabila rayuan telah ditolak," kata Ng yang memohon kepada mahkamah agar Margaret menjalani hukumananya dengan segera.

Shim kemudian berkata hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Majistret dikuat kuasakan semalam (18 Disember).

"Berhubung penangguhan rayuan hukuman, kes ini adalah rayuan daripada Mahkamah Majistret.

"Oleh itu, tiada hak automatik untuk merayu kepada Mahkamah Rayuan," kata Shim.

Pada 30 Jun 2023, Margaret dijatuhi hukuman penjara selama lima bulan bagi tiga pertuduhan mencuri sejumlah RM668 milik syarikat spa itu.

Sebelum ini, Margaret mengaku bersalah di hadapan Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali, yang menjatuhkan hukuman penjara tiga bulan

bagi pertuduhan pertama dan penjara sebulan, masing-masing bagi pertuduhan kedua dan ketiga.

Syarifah Fatimah turut merintahkan supaya hukuman penjara dijalankan secara serentak, yang menjadikan hukuman penjaranya selama tiga bulan.

Margaret didakwa atas tiga pertuduhan mengikut Seksyen 381 Kanun Keseksian yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun dan denda jika sabit kesalan.

Mengikut pertuduhan pertama, Margaret didakwa mencuri RM499 milik pusat kecantikan dan spa itu sekitar jam 2 petang pada 17 November 2022.

Sementara pertuduhan kedua dan ketiga menyaksikan dia didakwa mencuri RM99 dan RM70 dari tempat sama sekitar jam 10 pagi dan 2 petang pada 14 Mac 2023.

Prosiding semalam turut dihadiri peguam pemerhati bagi pihak syarikat tersebut, iaitu Rajesh Sethi.